

Syarat wajib lulus subjek Bahasa Inggeris tak adil

Baiki kelemahan sistem pendidikan sebelum laksana peraturan

Syarat wajib lulus subjek Bahasa Inggeris pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2016, akan menyaksikan sekitar 100,000 calon gagal memperoleh sijil penuh. Inilah jumlah calon yang tidak lulus dalam subjek ini pada saban tahun. Ini bermakna sekitar satu perempat calon SPM gagal dalamnya semenjak kebelakangan ini.

Kecuali sesuatu yang radikal telah dilakukan pada pendidikan bahasa Inggeris semenjak syarat ini diumumkan, yang benar-benar memperlihatkan peningkatan mutu pengajaran dan pembelajaran subjek ini yang luar biasa di semua sekolah, jumlah pelajar yang akan gagal dalamnya masih ramai sekali.

Dalam waktu yang singkat, tidak banyak peningkatan mendadak yang dapat dilakukan dengan jayanya di semua sekolah. Selain faktor pelajar yang lemah akibat pelbagai sebab, faktor guru tidak cekap yang besar bilangannya adalah unsur penting yang tidak boleh dikesampingkan dengan begitu sahaja.

Ramai masih terus berlatih

Walaupun guru ini diwajibkan menjalani latihan intensif untuk memperbaiki kemahiran berbahasa Inggeris mereka, kesan positifnya tidak dapat diperoleh dengan cepat. Sehubungan ini, ramai yang masih perlu terus berlatih.

Untuk sesetengahnya, ia akan mengambil masa yang lebih lama. Bagi yang lain pula, mungkin mereka ini tidak boleh dibenarkan mengajar subjek ini lagi. Apabila seseorang guru itu tidak mahir dari segi kandungan subjek yang diajarnya, beliau tidak layak menjadi guru subjek itu.

Meskipun psikologi dan pedagogi juga penting untuk tujuan penyampaian ilmu yang berkesan, pengetahuan tentang kandungan subjek yang diajar itu adalah jauh lebih mustahak.

Tidak ada apa-apa jua kebaikannya kalau kandungan subjek itu tidak tepat, walaupun disampaikan dengan cara menarik dan sesuai pula dengan tahap kecerdasan pelajar.

Oleh itu, kecekapan seseorang guru itu dalam mengajar pertama-tamanya hendaklah terletak pada penguasaan baik terhadap kandungan subjek yang diajar itu. Inilah sepatutnya yang menjadi syarat utama pengambilan guru kita.

Dengan masih wujudnya kelemahan seperti ini pada sistem pendidikan kita, syarat wajib lulus ini perlu difikirkan kaedah pelaksanaannya yang lebih adil. Kita hendaklah menemui kaedah yang boleh memberi kebaikan kepada sistem pendidikan itu sendiri dan selain kepada pelajar.

Kita tidak mahu melihat jumlah yang gagal memperoleh sijil penuh SPM pada 2016 akibat kegagalan dalam subjek Bahasa Inggeris berjumlah ratusan ribu. Ini bukan sahaja akan memberi kesan buruk kepada masa hadapan pelajar ini. Ia juga boleh dianggap sebagai penganiayaan.

Guru kena cekap

Pelajar ini yang rata-ratanya di sekolah luar bandar dan pedalaman, tidak diajar guru cekap dalam subjek ini, apatah lagi oleh guru cemerlang yang bukan sahaja tidak ramai, tetapi selalunya ditempatkan di kawasan bandar.

Dari dimensi lain, malang sekali pelajar kita dianggap gagal keseluruhan peperiksaan mereka kerana tidak cekap dalam satu subjek yang asing bagi mereka. Walaupun bahasa Inggeris bahasa global dan bahasa kedua penting di Malaysia, ia sesuatu yang tidak biasa bagi banyak pihak.

Oleh itu, tidak adil untuk kita menguji sesuatu yang tidak biasa bagi mereka ini, dengan cara setakat itu. Dalam hal ini, ketidakcekapan dalam satu perkara yang tidak biasa akan menyebabkan kegagalan kepada kecekapan dalam semua perkara yang biasa.

Dengan ini, bagi yang tidak biasa dengan subjek ini, mereka hendaklah diuji dengan kaedah yang berbeza. Sehubungan ini, perlu difikirkan kaedahnya agar yang tidak biasa ini boleh ikut lulus ujian dalam keadaan tidak biasa ini.

Natijahnya ialah jangan kita sesekali menggunakan kaedah yang ikut menggagalkan semua perkara yang kita biasa dan cekap pula dalamnya kerana hanya gagal dalam satu perkara yang kita tidak biasa dan tidak cekap.

Ada banyak cara untuk kita membiasakan mereka yang tidak biasa ini. Inilah tugas pihak berwajib sebagai langkah jangka panjang agar mereka ini akan ikut biasa dengannya kelak.

Untuk sementara ini, kita harus mencari kaedah yang tidak sesekali menghimpit mereka yang tidak biasa ini. Ia hendaklah bersifat anak sendiri disayang anak tiri dibengkeng yang menekankan kepentingan hal luaran tidak boleh sesekali mengatasi kepentingan urusan dalaman.



TEO KOK SEONG



Penulis

ialah Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya, Majlis Profesor Negara